

# Pengguna boleh tuntutan sehingga RM50,000

**Pindaan RUU Perlindungan Pengguna 2019 lulus sebulat suara**

Laporan Mohd Anwar Patho Rohman wanawar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Rakyat semalam meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 yang bertujuan meluaskan kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP) dengan menaikkan jumlah tuntutan 100 peratus, daripada RM25,000 kepada RM50,000.

RUU yang dibentangkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chiew Jen itu, diluluskan sebulat suara selepas dibahaskan lebih lima jam oleh 16 Ahli Parlimen mewakili kerajaan dan pembangkang.

Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Nga Kor Ming mengemukakan RUU itu diluluskan selepas baccan kali ketiga dan tanpa bantahan Ahli Dewan Rakyat.

TTP ialah badan adjudikasi bebas yang ditubuhkan mengikut Seksyen 85, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dan mula berkuat kuasa pada Novem-

ber 1999.

Ketika diperkenalkan, akta itu membenarkan pengguna membuat tuntutan kepada mana-mana individu atau syarikat berhubung aduan membabitkan barang yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan, selagi tuntutan berkenaan tidak melebihi RM25,000.

Dengan pindaan ini, pengguna kini boleh membuat tuntutan kepada individu atau syarikat jika berlaku penipuan atau penyelewengan terhadap barang atau perkhidmatan yang dibayar.

Ketika menggulung perbincangan RUU berkenaan, Chiew Jen berkata, pindaan itu turut meningkatkan hukuman kepada mana-mana yang tidak mematuhi arahan tribunal menerusi nilai penalti maksimum.

"Dari sudut tribunal, Kementerian berusaha sebaik untuk membela kepentingan pengguna dan percaya masih ada ruang untuk penambahbaikan.

"Malah pindaan ini juga bertujuan memastikan kewujudan tribunal ini terus relevan dalam mengendalikan kes tuntutan yang berpatutan.

"Pindaan ini dengan meningkatkan jumlah tuntutan diharapkan memberi kesedaran kepada penjual untuk lebih bertanggungjawab dalam urusan jual beli, dapat mengurangkan pe-



**Pindaan ini dengan**

**meningkatkan jumlah tuntutan diharap memberi kesedaran kepada penjual untuk lebih bertanggungjawab dalam urusan jual beli, dapat mengurangkan penipuan dan membela nasib pengguna"**

**Chong Chiew Jen, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

nipuan dan membela nasib pengguna," katanya.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU berkenaan, Chiew Jen berkata, usaha Kementerian-nya meminda akta itu sebagai langkah bagi menangani kes penipuan dalam urusan niaga dalam talian yang menunjukkan peningkatan.

"Kes penipuan dalam talian menduduki tempat kedua bagi kategori aduan pengguna di antara Kementerian dalam tempoh setahun ini. Penipuan atas talian sekarang mencecah antara 23 hingga 24 peratus," katanya.

Sesi perbincangan menyaksikan wakil kerajaan dan pembangkang sependapat bahawa penipuan jualan dalam talian pada masa ini semakin berleluasa.

Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru) meminta Kementerian memantau peniaga yang cuba melarikan diri selepas menipu pengguna, termasuk dengan membuka perniagaan baharu.

Beliau memberi contoh di sebuah negara jiran yang pihak berkuasanya melarang sebarang syarikat terlibat menipu pengguna ditubuhkan semula menggunakan nama lain.

Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera) pula berkata, kerajaan perlu melihat contoh negara lain bagaimana menguruskan isu perlindungan pengguna.